



MESTI BACA

Pembentukan Ion Positif dan Ion Negatif

1. Kebanyakan atom mempunyai susunan elektron yang tidak stabil.
2. Untuk membentuk susunan elektron yang stabil, atom akan membentuk ion melalui **pendermaan elektron** atau **menerima elektron** pada petala terluarnya bagi mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil.
3. **Ion positif** terbentuk apabila suatu atom logam **menderma elektron**.



4. Ion negatif terbentuk apabila suatu atom bukan logam menerima elektron.



5. **Susunan elektron duplet** ialah susunan elektron yang stabil yang mempunyai 2 elektron pada petala pertama.
6. **Susunan elektron oktet** ialah susunan elektron yang stabil yang mempunyai 8 elektron pada petala terluar.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 1(a)(i), (ii), (b) dan (c)

menderma	tidak
terluar	8
P	stabil
stabil	

Bagi soalan 1(a)(iii)

Rujuk nota sisipan di atas

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

1. Rajah di bawah menunjukkan unsur-unsur P, Q, R dan S dalam Jadual Berkala Unsur Moden.

[illegible]

- (a) (i) Unsur yang manakah membentuk ion positif?

- (ii) Terangkan jawapan anda di 1(a)(i).

Ion positif terbentuk apabila suatu atom logam

_____ elektron-elektron di petala terluar
untuk mencapai susunan elektron yang _____.

- (iii) Lukiskan pembentukan ion positif.

- (b) Apakah yang dimaksudkan mencapai susunan elektron oktet?

Susunan elektron yang stabil yang mempunyai _____ elektron pada petala _____.

- (c) Adakah unsur S boleh membentuk ion?

_____. Unsur S merupakan unsur yang sangat
_____.